



Yayasan Waqaf Malaysia (PPAB-02/2008)

## **YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

### **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

1. Jawatan : **PENOLONG AKAUNTAN (GRED N29)**
2. Penempatan : Bahagian Kewangan
3. Bilangan kekosongan : Satu
4. Taraf Jawatan : Kontrak
5. Gaji Ditawarkan :
  - Gaji Pokok : RM1,733.00
  - Elaun Tetap Perumahan: RM300.00
  - Elaun Sara Hidup : RM350.00
  - Elaun ITKA : RM160.00
6. Syarat Lantikan :
  - Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan.

7. Diskripsi tugas :

- Menguruskan kewangan dan perakaunan Am bagi Dana Hasil dan Dana WTM;
- Menyemak semua lejar am termasuk akaun akruan dan baucer jurnal Dana Hasil dan Dana WTM sebelum menutup semua akaun setiap akhir bulan;
- Menyemak semua penyata penyesuaian bank bagi setiap akaun semasa Dana Hasil dan Dana WTM untuk setiap bulan;
- Menyemak semua *supplier aging report* dan *customer aging report* secara tahunan;
- Menyedia dan mengemukakan laporan Kutipan dan Perbelanjaan Dana Hasil dan Dana WTM untuk tujuan penyediaan dan pelarasan belanjawan tahunan;
- Menguruskan proses penebusan Sijil Wakaf Bangunan Komersil secara sukuan tahun;
- Menyediakan penyata akaun Dana Hasil dan Dana WTM untuk diaudit;
- Menyemak pembayaran melalui Panjar Wang Runcit(Dana Bantuan Segera);
- Menyemak baucar bayaran bersama cek atau surat arahan pindahan dana kepada bank, memo, surat pembayaran dan dokumen sokongan untuk setiap bayaran perbelanjaan Dana Hasil dan Dana WTM;
- Memastikan Dana Hasil dan Dana WTM diterima dibuat mengikut bajet tahunan yang telah ditetapkan;
- Menyedia proses pecahan pindahan terimaan hotel dan kedai pejabat ke akaun-akaun yang terlibat mengikut SOP yang berkuatkuasa;
- Memastikan kutipan dan kredit mematuhi Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan;

- Menyediakan analisa terimaan Dana Hasil dan Dana WTM berbanding unjuran hasil dan kutipan WTM tahunan;
- Menyelenggara rekod lengkap kesemua transaksi kewangan mengikut piawaian perakaunan yang berkuat kuasa;
- Membantu dalam penyediaan unjuran aliran tunai dan belanjawan;
- Menyediakan ringkasan mengenai status semasa kewangan melalui maklumat yang terkumpul iaitu menyediakan lembaran imbangan, penyata untung rugi dan laporan lain yang berkaitan;
- Melaksana dan menyelia sistem dan operasi berkaitan kutipan hasil dan terimaan hasil;
- Memasukkan data aset, liabiliti dan modal dalam sistem perakaunan melalui pengumpulan dan analisa data akaun tersebut;
- Menyediakan analisa prestasi kutipan Dana Hasil dan Dana WTM;
- Menyelia kakitangan di bawah Akauntan 2 dan menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan Dana Hasil dan Dana WTM; dan
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## **CARA MEMOHON**

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen yang disahkan oleh Pegawai yang berkeelayakan. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- b) Permohonan hendaklah disampaikan kepada:  
**Bahagian Pengurusan**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**Aras 8, Blok D**  
**Kompleks Islam Putrajaya**  
**Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3**  
**62100 Putrajaya.**
- c) Tarikh tutup iklan ialah pada **23 Disember 2024 (Isnin)**.

## **CATATAN AM**

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

## **PENAFIAN**

Iklan jawatan kosong ini semata-mata untuk tujuan pelawaan sahaja dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat dengan mana-mana pihak. YWM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kekeliruan mengenai maksud iklan jawatan kosong ini. Keputusan pengambilan pekerjaan adalah sepenuhnya bergantung kepada Pengurusan YWM.